

01 OCT 2003

Mahathir-Perahu Layar

KERAJAAN HARAP LEBIH BANYAK PERAHU LAYAR DATANG KE LANGKAWI

LANGKAWI, 1 Okt (Bernama) -- Kerajaan berharap lebih banyak pelayar dari seluruh dunia akan datang ke Langkawi memandangkan pulau itu mempunyai rangkaian perkhidmatan yang lengkap dan kemudahan penyenggaraan bagi perahu layar.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Langkawi yang mempunyai keindahan semulajadinya perlu berada pada skrin radar setiap pelayar.

"Saya harap lebih banyak pelayar akan singgah dan meletakkan perahu mereka di Langkawi yang mempunyai kemudahan bagi melakukan servis yang mencukupi dan menyenggara kapal mereka itu," katanya semasa melancarkan Pusat Perahu Layar Langkawi Wavemaster milik Business Focus di Dermaga Tanjong Lembong di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata kerajaan gembira kerana Business Focus mengambil inisiatif untuk membina kemudahan seperti itu yang telah membantu dalam pembangunan keseluruhan pulau bebas cukai ini.

Terdahulu, Pengerusi Eksekutif Business Focus Tan Sri Amin Shah Omar Shah dalam ucapannya berkata syarikat berkenaan mula membangunkan pusat perahu layar itu pada 2001 dan memulakan operasinya tahun lepas.

Sehingga kini, pusat itu telah menyediakan perkhidmatan penyenggaraan kepada lebih 140 kapal terdiri dari perahu layar bermotor, perahu layar, feri laju dan feri tempatan.

"Peningkatan dari segi jumlah perahu layar yang menggunakan perkhidmatan di pusat ini dalam sembilan bulan pertama tahun ini merupakan bukti nyata terhadap pengiktirafan yang terus diterimanya daripada kalangan perahu layar antarabangsa," katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar Kedah Datuk Syed Razak Syed Zain.

-- BERNAMA

MHI LES MAD ROS